



## KENYATAAN TENDER (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

### PENYELENGGARAAN TUMBUHAN WETLAND, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

(NO. TENDER : PPJ/TJ/R/27/2020)

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor / Syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Maklumat Tender serta kelayakan asas Kontraktor adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER DITUTUP
<b>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)</b>  Gred: G6  Kategori: CE  Pengkhususan: CE 14  &  Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk taraf Bumiputera	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk Slide) Pada 1 Mac 2021 di pautan berikut :  <a href="https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga">https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga</a>  Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan	<b>1 Mac 2021 (Isnin)</b>  Hingga  <b>12 Mac 2021 (Jumaat)</b>  Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Aras 1, Blok C, Jabatan Kewangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya	Ringgit Malaysia <b>RM300.00</b>  (Tidak Dikembalikan)  <b>Tunai / Deraf Bank</b>  Perbadanan Putrajaya	<b>22 Mac 2021 (Isnin)</b>  <b>12.00 Tengahari</b>  Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Aras 1, Blok C, Jabatan Kewangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Kontraktor / Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
  - Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM300,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.
4. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor / Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor / Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor / Syarikat juga hendaklah membawa dokumen/ dokumen asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (PKK). Salinan Sijil-Sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah PKK.
6. Tender ini akan ditutup pada **22 Mac 2021** bersamaan hari **Isnin** jam **12.00 tengahari**. Dokumen tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
7. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran dokumen tender tidak akan dikembalikan.